

**Konsep rekacorak geometrik
dalam Islam dan
HUBUNGANNYA DNG. ALLAH**

**Idrus Ismail
senireka tekstil
senilukis & senireka
ITM**

PENCHARGAAN

Dalam ruangan ini saya mengambil kesempatan untuk mengucapkan ribuan terimakasih kepada pihak-pihak yang terlibat sama-mada secara langsung atau tidak langsung dalam menjayakan tesis ini, istimewa kedua ibu dan bapa yang mendidik serta memberikan dorongan yang kuat kepada saya hinggalah kesaat ini.

Di sini saya perturunkan nama-nama mereka yang terlibat dalam menjayakan tesis ini :

- 1) Semua pensyarah-pensyarah Jabatan Senireka Tekstil.
- 2) Semua rakan-rakan tahun akhir Jabatan Senireka Tekstil.
- 3) Puan Animah Syed Muhammad, Pensyarah sains kemasyarakatan, Institut Teknologi Mara.
- 4) Saudara Jaafar Mahmud.
- 5) Saudara Anwar Abdul Aziz.
- 6) Saudara Nasruddin Isa.
- 7) Perpustakaan Tun Abdul Razak, ITM, Shah Alam, Selangor.
- 8) Perpustakaan Negara, Kuala Lumpur.
- 9) Perpustakaan Pusat Kebudayaan Libya-Arab, Kuala Lumpur.

Semoga Allah merahmati setiap sumbangan yang mereka berikan.

KANDUNGAN.

BAB.	TAJUK.	HALAMAN.
	MUQADDIMAH.	I - 2
1.	ISLAM YANG SYUMUL.	3 - 6
	SENI DARI SUDUT PANDANGAN ISLAM.	7 - 14
2.	REKACORAK ISLAM.....	
	PENGENALAN RINGKAS.	15 - 19
	REKACORAK GEOMETRIK, TEKNIK ASAS MENCIPTANYA.	20 - 26
3.	PENGGUNAAN MATEMATIK.....	
	HUBUNGANNYA DENGAN MENYATAHKAN ALLAH S.N.W.	27 - 28
	KONSEP BULATAN DALAM REKACORAK GEOMETRIK.	29 - 34
	KONSEP PERULANGAN DALAM REKACORAK GEOMETRIK.	35 - 42
	KONSEP PERIMBANGAN DALAM REKACORAK GEOMETRIK.	43 - 48
4.	RUMUSAN DAN PENUTUP.	49 - 50

ISLAM YANG SYUMUL

Dalam rangka untuk memahami serta mendalami sesuatu perkara yang berkaitan dengan Islam, adalah tidak wajar jika kita tidak memahami terlebih dahulu akan hakikat kalimah Islam yang sebenarnya. Ini adalah sejajar dengan sarapan yang diutarakan oleh seorang ulama' Islam yang muhtabar iaitu Allah Yarham Syed Abul A'la Maududi :

".....amat perlu sebelum kita mulai memperbin-
cangkan sistem-sistem moral, sosial, politik, e-
konomi serta lain-lain cabang dari Islam, kita
lebih dahulu harus mempunyai ide yang jelas ten-
tang konsepsi hidup menurut Islam itu" ¹

Justeru kerana itulah maka perlunya di dalam tesis ini saya jelaskan pengertian Islam yang sebenarnya sebagaimana yang dikehendaki oleh Allah S.N.W.—yang diterangkan oleh ulama'-ulama' yang muhtabar iaitu mereka-mereka yang arif serta yakin dengan Islam. Menurut Dr. Abdul Karim Zaidan :

"Islam ialah peraturan yang lengkap (syamil) ba-
gi seluruh urusan hidup dan seluruh tingkah laku
manusia. Sifat-sifat Islam ialah hakikat, bukan
dakwaan" ²

1. Maududi, Syed Abul A'la, Pokok-pokok pandangan hidup Muslim (terjemahn oleh Prof. Osman Raliby dari buku Islamic way of life) Bulan Bintang Jakarta, 1 Desembar 1967 Hal. 14. Untuk mengenali Maududi secara ringkas lihat muqaddimah buku pokok-pokok pandangan hidup Muslim
2. Zaidan, Dr. Abdul Karim, Dasar-dasar ilmu dakwah (alih baha sa oleh H.M. Asywadi Syukur Lc, dari buku Usulud Da'wah), Media Da'wah, Kuala Lumpur, 1980, Hal. 2.

Allah Yarham Syed Abul A'la Maududi pula menyatakan di dalam bukunya :

" Islam merupakan suatu NIZAM atau sistem yang lengkap dan menyeluruh, terbina di atas suatu asas yang kukuh, rukunnya yang besar hinggalah kepada cabang-cabangnya serta ranting yang kecil saling paut-memaut dan tegak di atas asas tersebut laksana pokok; asalnya dari sebiji benih, benih mengeluarkan akar, kemudian tumbuh pula batang nya, berdahan, bercabang, beranting dan kemudian daun hingga menjadi pokok yang rindang namun tiap-tiap daunnya adalah berhubung rapat dengan akarnya " ³

Ash Syahid Sayyid Qutb menjelaskan dengan lebih terperinci lagi bahawa :

" Islam dalam pengertiannya merupakan penyerahan diri sepenuhnya, penyerahan diri dan kepatuhan para hamba Allah, menarik mereka dari menyembah sesama hamba Tuhan kepada menyembah tuhan yang esa; tunduk dan patuh pada kekuasaan dan peraturan Nya sahaja di dalam semua urusan hidup dan

3. Maududi, Syed Abul A'la, Inilah Islam, Islamic Publication, Lahore, Pakistan, 1967, Hal. 9.